

ELAUN DAN KEMUDAHAN

1. Yuran pengajian dibayar mengikut kadar yang dituntut oleh IPT.
2. Elaun sara hidup, elaun buku, elaun perkakas, elaun tesis dan elaun latihan amali/ kertas projek adalah mengikut kadar biasiswa dalam negara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
3. Elaun Insentif Pencapaian Sukan mengikut kategori yang ditetapkan.

Kategori 1 (Atlet Elit Antarabangsa)	RM 1000 sebulan
Kategori 2 (Atlet Senior/ Junior Antarabangsa)	RM 500 sebulan
Kategori 3 (Atlet Kebangsaan)	RM 250 sebulan

4. Perlindungan Insuran Sukan dan Kad Perubatan

KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan dibuka secara atas talian bermula pada **15 Mac sehingga 30 Mac 2019**.
2. Permohonan adalah secara atas talian (*online*) melalui laman sesawang rasmi Kementerian di [url https://biasiswa.moe.gov.my/sukan/](https://biasiswa.moe.gov.my/sukan/)
3. Setiap pemohon hanya layak membuat **satu (1) permohonan SAHAJA** dan **DIWAJIBKAN** memuat naik Surat Tawaran Pengajian.
4. Semakan panggilan temuduga boleh dibuat mulai **19 – 27 April 2019** (tertakluk kepada pindaan)
5. Pemohon yang berjaya dipanggil untuk sesi temuduga **DIWAJIBKAN** membawa bersama SATU (1) salinan **cetakan permohonan** dan **Surat Tawaran Pengajian** yang telah **disahkan oleh Pegawai Sukan dari Pusat Sukan IPT** dan dokumen sokongan yang berkaitan semasa menghadiri temuduga.
6. Permohonan yang **tidak lengkap** secara automatik **tidak akan dipertimbangkan**.

MAKLUMAT LANJUT

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**UNIT SUKAN, BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 2, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6 PRESINT 5
62200 W.P. PUTRAJAYA**

(u.p : Encik Salehudin Bin Mohamed / Puan Noor Liyana Binti Abd Yusof)

Tel : 03-8870 6639 / 5188 Faks : 03-8870 6824

Emel : salehudin.m@moe.gov.my / liyana.yusof@moe.gov.my